



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

DASAR PELABURAN UNIVERSITI

1. TUJUAN

Dasar Pelaburan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia disediakan untuk mengatur dan melaksanakan aktiviti-aktiviti serta bentuk pelaburan dalam usaha membantu meningkatkan hasil pendapatan universiti.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dasar Pelaburan Universiti ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang memerlukan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menjana pendapatan sendiri dari sumber dalaman untuk menampung 25% daripada jumlah perbelanjaan Universiti menjelang tahun 2020.
- 2.2 Dasar Pelaburan Universiti disediakan adalah selaras dengan Garis Panduan Pelaburan untuk IPTA 2004.

3. PELABURAN

3.1 Pengenalan

- 3.1.1 Universiti hendaklah memperuntukkan sejumlah wang yang dikenali sebagai Dana Pelaburan daripada wang lebihan yang bukan dari peruntukan Geran Kerajaan bagi maksud pelaburan. Universiti perlu mengenalpasti dan menyatakan sumber-sumber kewangan bagi tujuan pelaburan. Universiti hendaklah melaburkan dana yang belum digunakan (*idle funds*) bagi meningkatkan pendapatan. Pemilihan produk pelaburan hendaklah mengambilkira tahap kecairan, tahap risiko pelaburan dan pulangan yang berpatutan.
- 3.1.2 Pelaburan hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang diberi tanggungjawab dan segala perubahan dalam pelaburan diakaunkan dengan tepat.

3.2 Objektif

Pelaburan merupakan penggunaan dana atau lebihan untuk mendapatkan pulangan yang optimum. Selain itu, pelaburan juga bertujuan untuk meningkatkan ekuiti dan kecairan. Pengurusan pelaburan yang berkesan adalah penting supaya kepentingan pelabur sentiasa terpelihara berdasarkan kepada instrument pelaburan, profil risiko dan pulangan yang disasarkan. Penilaian pengurusan pelaburan adalah untuk memastikan ianya teratur, mengikut had kuasa yang dibenarkan dan rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

3.3 Definisi Pelaburan

Pelaburan ialah tindakan meletakkan dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki, dengan menyedari sepenuhnya mengenai risiko yang terbabit.

3.4 Bentuk Pelaburan

3.4.1 Pelaburan Dalam Ekuiti

3.4.1.1 Pelaburan dalam ekuiti adalah berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Seksyen 5 (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut,

5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan –

(a) jika didapati perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan penunaian fungsi, perjalanan kuasa dan pelaksanaan aktiviti Universiti, menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan yang lain bersama-sama dengan, atau selainnya –

(i) sesuatu perusahaan, syarikat, pengusahaan swasta atau sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;

- (ii) Kerajaan Persekutuan atau Negeri;
- (iii) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;
- (iv) sesuatu suruhanjaya; atau
- (v) seseorang;

(b) menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang telah dirancangkan atau diusahakan oleh Universiti;

(c) menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengendalikan dan menguruskan apa-apa harta, projek, skim atau perusahaan yang pada pendapat Lembaga adalah bermanfaat dan berfaedah kepada Universiti;

3.4.1.2 Selaras dengan kuasa yang dinyatakan dalam peruntukan Perlembagaan Universiti Seksyen 5, Universiti boleh menubuhkan syarikat yang akan berfungsi sebagai syarikat induk kepada semua kegiatan komersial. Pelaburan dalam ekuiti hendaklah mendapat persetujuan Lembaga Pengarah Universiti sebelum diluluskan oleh Menteri Kewangan. Pelaburan dan aktiviti perniagaan boleh dibuat dalam bentuk :

- (a) Menubuhkan Subsidiari (*subsidiary*)
- (b) Menubuhkan Syarikat Bersekutu
(*Associate Company*)
- (c) Mengadakan Usahasama (*Joint Venture*)
- (d) Menubuhkan Perbadanan (*Corporation*)

3.4.2 Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang

3.4.2.1 Pelaburan terus dalam sekuriti boleh dagang adalah berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Seksyen 5 (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut,

5 (1) *Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan-*

(f) memperoleh dan memegang sebagai pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh –

- (i) mana-mana syarikat atau pengusahaan swasta atau mana-mana sindiket orang yang ditubuhkan bagi menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain;*
- (ii) Kerajaan Persekutuan atau Negeri;*
- (iii) sesuatu pemerintah berdaulat;*
- (iv) sesuatu suruhanjaya; dan*

(v) sesuatu badan atau pihak berkuasa awam;

(g) memperoleh syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam Perenggan (f) melalui langganan asal, tender, pembelian, pindah hakmilik, pertukaran atau selainnya;

(h) menjalankan dan pada amnya menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan melalui atau bersampingan dengan pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual, memindahkan hakmilik, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu;

3.4.2.2 Di samping itu, sekatan khusus seperti berikut perlu diambilkira dalam membuat pelaburan:

(a) Universiti tidak boleh melabur dalam sekuriti boleh dagang yang melanggar hukum Syariah.

(b) Universiti tidak boleh melabur dalam sekuriti boleh dagang yang secara langsung atau tidak langsung bertentangan dengan falsafah, objektif atau kepentingan Universiti.

- (c) Universiti juga tidak boleh terlibat dengan pasaran hadapan (*future trading*) dan pasaran matawang (*currency trading*).
- (d) Universiti tidak boleh melabur dalam saham amanah/ekuiti yang terdedah kepada risiko pasaran.

3.4.3 Pelaburan Dalam Harta Tanah

3.4.3.1 Pelaburan dalam harta tanah adalah berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Seksyen 5 (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut,

5(1) *Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan –*

(i) membeli, memajak, menyewa atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri yang difikirkan perlu atau sesuai bagi mana-mana maksud Universiti.

3.4.3.2 Pelaburan dalam harta tanah adalah untuk menjana pendapatan tambahan dan menyediakan kemudahan pembelajaran, pengajian, penyelidikan dan perniagaan, Universiti boleh membuat pelaburan dalam harta tanah. Harta tanah terdiri daripada barang-barang seperti tanah dan bangunan.

3.4.3.3 Semua permohonan untuk pelaburan harta tanah perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti dan ciri-ciri faktor undang-undang berkaitan diambilkira.

3.4.4 Meminjam dan Mendapatkan Pinjaman

3.4.4.1 Meminjam dan mendapatkan pinjaman adalah berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Seksyen 5 (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut,

5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan –

(d) meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Universiti bagi menjelaskan tanggungannya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;

(e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau menggadaikan, menggadaijanjikan, menyandarkan atau selainnya mengadakan lien ke atas harta alih atau tak alihnya, atas apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga.

3.4.4.2 Selaras dengan kuasa yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Universiti perenggan ini, Universiti boleh membuat pinjaman untuk membiayai mana-mana projek Universiti yang berkaitan bagi melaksanakan kewajipannya seperti membeli harta untuk projek perumahan pelajar/staf atau pembelian peralatan bagi tujuan pengajaran dan penyelidikan daripada mana-mana institusi kewangan/ organisasi dalam dan luar negara mengikut jumlah, tempoh, faedah dan apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Universiti dengan kelulusan Menteri Kewangan.

3.4.5 Peruntukan Yang Berhubungan Dengan Perbadanan

3.4.5.1 Peruntukan yang berhubungan dengan perbadanan adalah berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan Universiti Seksyen 6 (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut,

6 (1) Lembaga hendaklah, pada atau sebelum tarikh tertubuhnya mana-mana perbadanan di bawah Seksyen 5(1)(c), menetapkan melalui peraturan-peraturan –

- (a) maksud dan tujuan yang baginya perbadanan itu ditubuhkan;*
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;*
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan*

(d) *hubungan antara perbadanan itu dengan Universiti dan hak kawalan oleh Lembaga ke atas perbadanan itu.*

6 (4) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan, mengarahkan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

6 (5) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah subsyeksyen (4), aset perbadanan itu hendaklah dipindahkan hakmiliknya kepada dan diletakhakkan pada Universiti selepas dijelaskan segala tanggungannya.

3.5 Pengendalian Pelaburan

3.5.1 Prosedur Pelaburan

Prosedur pelaburan hendaklah menjelaskan;

3.5.1.1 Jenis pelaburan yang akan dibuat. Sebagai contoh, sama ada untuk membeli saham tersiar harga atau hartanah.

3.5.1.2 Kriteria pelantikan panel broker/pengurus portfolio yang berdasarkan kepada kedudukan faktor bukan kewangan seperti kekuatan pengurusan, hala tuju dan

perkhidmatan yang ditawarkan. Pelantikan ini mestilah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan.

- 3.5.1.3 Garis panduan, prosedur kerja atau carta alir kerja bagi aktiviti pelaburan. Sebagai contoh, penyediaan garis panduan serta proses kerja bagi pembelian/penjualan saham, sama ada melalui broker atau pengurus portfolio.
- 3.5.1.4 Kaedah atau amalan yang digunakan untuk merekod urus niaga saham, bon, sekuriti Kerajaan dan sebagainya. Kaedah untuk mengambil kira dividen/faedah yang diterima, terbitan bonus, terbitan hak dan lain-lain. Antaranya:
 - i. Daftar dan rekod yang mesti diselenggarakan.
 - ii. Rosot nilai bagi saham, bon dan debentur mestilah dikenal pasti dan tindakan sewajarnya diambil.
 - iii. Petunjuk prestasi utama sebagai mekanisme untuk memantau pulangan pelaburan agar ia berada pada tahap yang dijangkakan.
 - iv. Rangka kerja pengurusan risiko pelaburan yang menyeluruh perlu diadakan bagi mengenal pasti, menilai dan mengawal risiko pelaburan.

3.5.2 Pelaburan Yang Dibuat Oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa

Jawatankuasa Pelaburan UPNM hendaklah menentukan kuasa dan had pegawai berdasarkan gred jawatan pegawai, jumlah dan nilai maksimum pelaburan yang boleh diurusniagakan. Surat penurunan kuasa hendaklah dikeluarkan kepada pegawai yang berkaitan.

3.5.3 Pelaburan Diakaunkan Dan Didaftarkan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini

Setiap urus niaga hendaklah direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

3.5.4 Pelaburan Dibuat Mengikut Had Yang Diluluskan

Jawatankuasa Pelaburan UPNM akan menentukan had pelaburan iaitu had bilangan saham yang boleh dibeli bagi sesuatu kaunter. Perkara ini adalah penting untuk memastikan pelaburan yang dibuat tidak terdedah kepada risiko terhadap mana-mana saham dalam jumlah yang banyak. Universiti perlu mempelbagaikan saham yang dibeli agar tidak terjejas sekiranya harga saham tersebut jatuh. Jawatankuasa Pelaburan juga perlu menentukan jenis saham yang dibenarkan untuk dibeli. Sebagai contoh, pelaburan hendaklah dibuat hanya dalam saham-saham syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia sahaja.

3.5.5 Pulangan Pelaburan Menepati Sasaran Yang Ditetapkan

Sasaran pulangan pelaburan hendaklah ditetapkan dalam bajet tahunan atau dalam pelan strategik Universiti dan syarikat. Pulangan tahunan hendaklah dinilai sama ada sejajar dengan sasaran. Sasaran pulangan yang ditetapkan perlu disemak semula sama ada sasaran tersebut realistik dan sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa serta keadaan pasaran.

3.5.6 Mengkaji Dan Memantau Pelaburan

Universiti hendaklah sentiasa mengkaji dan memantau pelaburan yang dibuat sama ada yang diurus sendiri atau diurus oleh pengurus portfolio. Aktiviti pelaburan yang dijalankan perlu selaras dengan perkembangan ekonomi semasa bagi memastikan pelaburan berupaya menghasilkan pulangan yang tinggi. Sekiranya prestasi pengurus portfolio yang dilantik adalah kurang memuaskan, Universiti mestilah mengenal pasti tindakan sama ada untuk menamatkan perkhidmatan syarikat tersebut.

3.5.7 Pengasingan Tugas

Bagi melaksanakan urus niaga pelaburan, Universiti perlu membuat pengasingan tugas yang jelas antara *front office*, *middle office* dan *back office operations*. *Front office operations* terlibat dengan urus niaga pelaburan seperti membuat pesanan kepada broker manakala *middle office operations* terlibat dalam pemprosesan pelaburan dan *back office operations* bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rekod perakaunan.

Pegawai yang menyelia *front office*, *middle office* dan *back office* mestilah terdiri daripada pegawai yang berlainan. Pengasingan tugas adalah kawalan pencegahan yang amat penting untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan.

4.0 KUATKUASA DASAR PELABURAN UNIVERSITI

- 4.1 Dasar Pelaburan Universiti ini berkuat kuasa mulai tarikh ia diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan UPNM.

